



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

SEMPENA

Majlis Perasmian & Penyerahan Sangkar Sembelihan Mudah Alih

Tarikh : 5 Mac 2016

Masa : 10.45 pagi – 12.30 tengah hari

Tempat : Masjid Nurul Khair, Kampung Semariang Batu, Kuching.

SALUTATION LIST:

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Menteri Kerja Raya
Merangkap Ahli Parlimen Petrajaya

Yang Berusaha Encik Muhammad Aziph Dato' Mustapha
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Inovasi Malaysia
Tetamu kehormat

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan media, penduduk-penduduk kampung, hadirin sekalian.

Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa

1. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih atas jemputan ke **Majlis Perasmian & Penyerahan Sangkar Sembelihan Mudah Alih** pada hari ini. Saya amat berbesar hati dan berasa gembira kerana diberi kesempatan untuk bersama-sama YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada majlis hari ini. Seperti yang para hadirin sedia maklum, walaupun saya sangat sibuk dengan urusan di MOSTI dan sebagainya, namun Sarawak memang sentiasa dekat di hati saya, maka saya harus mengambil masa untuk bersama-sama dengan Tuan-Tuan dan Puan-Puan pada hari ini. Sebentar tadi saya telah bersama penduduk Kampung Bako bagi penyerahan sebuah lagi projek MSI iaitu Pengurusan Sisa Makanan dan Sisa Domestik.
2. Saya difahamkan penganjuran majlis ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan menyeluruh bagi **Majlis Perasmian & Penyerahan Sangkar Sembelihan Mudah Alih** di bawah program MOSTI SOCIAL INNOVATION (MSI).

Hadirin dan hadirat sekalian,

MOSTI SOCIAL INNOVATION

3. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan dengan lebih lanjut mengenai inisiatif yang dijalankan di Kementerian saya iaitu program INOVASI SOSIAL MOSTI atau MOSTI SOCIAL INNOVATION (MSI). Program MSI ini adalah

berteraskan program jangkau luar (outreach) ke peringkat akar umbi telah dilancarkan pada 16 April 2015 oleh YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Mantan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

4. MSI merupakan dana yang disediakan oleh Kerajaan bagi tujuan membantu kumpulan sasaran melalui pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial (meeting unmet social needs).
5. MSI merupakan salah satu cabang inovasi yang boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasai oleh rakyat, bukan sahaja akan memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga meningkatkan keupayaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak.
6. MOSTI telah membiayai 77 buah projek secara keseluruhannya pada tahun 2015 yang melibatkan 16 buah agensi yang bertindak sebagai penyedia teknologi bagi projek-projek yang terpilih.
7. Antara agensi-agensi MOSTI diberi mandat untuk menjalankan projek MSI ialah Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) yang bertanggungjawab dengan acara kita pada hari ini.
8. YIM telah diberi mandat oleh MOSTI untuk menjalankan bukan satu tetapi empat (4) Projek MSI termasuklah **Projek Penyebarluas Sangkar Sembelihan Mudah Alih** ke seluruh Negara. Projek ini dijalankan bagi menyemarakkan dan membudayakan inovasi dan kreativiti. Projek ini juga bertujuan untuk memperkenalkan inovasi Sangkar Sembelihan dan

mengembangkan institusi kesenian dan kebudayaan ke serata Malaysia.

9. Saya percaya terdapat banyak inovasi-inovasi yang dipertandingkan pada hari ini bersifat inklusif dan berimpak tinggi. Inovasi-inovasi ini sudah sewajarnya diketengahkan untuk dikomersilkan dan adalah menjadi tanggungjawab pihak MOSTI bagi memastikan inovasi-inovasi ini mendapat pengiktirafan yang sewajarnya selaras dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara yang bertujuan “menggalakkan penggunaan S&T sebagai satu alat untuk pembangunan ekonomi negara”.

MERAKYATKAN INOVASI

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Bercakap mengenai inovasi, banyak yang melihat kepada inovasi dari segi R&D atau inovasi dari segi produk. Walau bagaimanapun, terdapat satu lagi cabang inovasi yang perlu diberi perhatian iaitu inovasi sosial. Inovasi sosial merupakan satu cabang inovasi yang boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasakan oleh rakyat. Kajian menunjukkan bahawa majoriti program inovasi sosial di dalam dan luar negeri adalah yang melibatkan kerjasama erat antara individu, komuniti, kerajaan, pertubuhan dan syarikat swasta.
11. Saya telah dilantik menjadi Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada bulan Julai 2015. Dan semenjak itu saya telah mengikuti perkembangan inovator-inovator akar umbi yang

dibangunkan oleh YIM. Pengusaha sangkar sembelihan ini sebenarnya adalah berasal dari Negeri Perlis dan beliau dikenali oleh YIM melalui program Jejak Inovasi. Program Jejak Inovasi ini bertujuan menjejaki, mendokumentasi dan menambah nilai inovasi-inovasi yang dihasilkan oleh golongan akar umbi.

12. Saya difahamkan bahawa Sangkar Sembelihan Mudah Alih ini adalah pengganti teknik tradisional penyembelihan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau kepada teknik yang lebih mudah, cepat dan terurus. Saya berasa amat berbangga dengan kebolehan dan tahap kreativiti rakyat Malaysia dan amat berbangga kerana menerusi program MSI ini, penggunaan atau faedah dari hasil-hasil inovasi makin meluas dan kemudahannya dapat juga dinikmati oleh komuniti-komuniti lain di seluruh negara. Di samping itu, adalah menjadi harapan saya agar para inovator dan pengusaha tempatan dapat menjana lebih banyak pendapatan melalui hasil inovasi.

13. Adalah menjadi harapan saya dan seluruh warga MOSTI agar melalui MSI keperluan sosial akan lebih diberi perhatian dan membantu proses transformasi negara dan saya amat berharap agar lapangan inovasi sosial yang dibangunkan oleh Kerajaan mendapat sokongan masyarakat demi kepentingan kita bersama.

Hadirin yang dihormati,

14. Mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak terutamanya para inovator akar umbi

dan YIM sebagai agensi pelaksanaan projek ini. Kejayaan anda pada hari ini diharap akan mendorong dan menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti ke arah penghasilan kekayaan, penjanaaan ilmu dan kesejahteraan rakyat di Sarawak khususnya. Marilah kita bersama-sama memajukan sains, teknologi dan inovasi demi masa depan.

Salam hormat dan salam 1Malaysia,
Sekian dan terima kasih.

<tamat>